

Dr. Mahathir tiba di Indonesia

UM 2 2 OCT 2003

Daripada
MARZUKI YUSOFF

YOGJAKARTA 21 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini malam ini untuk lawatan kerja selama dua hari dan esok Perdana Menteri akan diberi penghormatan berucap pada Persidangan Persekutuan Organisasi Kejuruteraan ASEAN Ke-21 (CAFEO 21).

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di Lapangan Terbang Adi Sucipto pada kira-kira pukul 8.55 malam ini menggunakan pesawat khas kerajaan selepas mengha-

diri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bangkok, disambut oleh Menteri Tenaga dan Galian Indonesia, Purnomo Yusgiantoro dan Duta Besar Malaysia, Datuk Hamidon Ali.

Turut mengiringi rombongan Dr. Mahathir ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Pada CAFEO 21, Dr. Mahathir akan turut menerima Anugerah Fellow Kehormat daripada persekutuan tersebut yang mewakili 10 buah organisasi jurutera dan arkitek daripada negara-negara ASEAN termasuk Myanmar, Vietnam dan Kemboja.

Antara organisasi kejuruteraan yang ber-

gabung di bawah AFEO adalah Persatuan Insinyur Indonesia (PII), Institusi Kejuruteraan Malaysia (IEM), Majlis Teknologi Filipina (PTC), Institusi Kejuruteraan Singapura (LES), Institusi Kejuruteraan Thailand (EIT), Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek Brunei (PUJA), Gabungan Persatuan Sains dan Teknologi Vietnam (Vusta), Persekutuan Jurutera Myanmar (MES), Institusi Kejuruteraan Kemboja (EIC) serta Gabungan Persekutuan Sains dan Kejuruteraan Laos (LUSEA).

Seorang jurucakap Wisma Putra memberitahu, selepas menyampaikan ucapan pada majlis itu, Dr. Mahathir

akan diwawancara selama satu jam mulai pukul 11.30 pagi oleh stesen penyiaran Indonesia, TV7. Empat wartawan tempatan termasuk dari akhbar *Kompas* akan menyertai program tersebut.

Perdana Menteri kemudian akan menghadiri majlis jamuan makan tengah hari yang dihoskan oleh pihak penganjur persidangan.

Dr. Mahathir dan rombongan kemudian akan berlepas ke Dili, Timor Leste pada kira-kira pukul 2 petang dalam rangka lawatan kerja selama dua hari ke negara bekas wilayah Indonesia tersebut dan selepas itu akan ke Papua New Guinea. —*Utusan*